

Bersatu dan tolak fahaman ekstremis, kata Najib
The Malaysian Insider
July 5, 2015

Datuk Seri Najib Razak (gambar, kiri) hari ini mengulangi gesaannya kepada rakyat Malaysia supaya bersatu dan dengan tegas menolak fahaman ekstremis.

Perdana menteri berkata terlalu banyak contoh apabila nama Islam disalah guna untuk menjustifikasikan kezaliman yang dilakukan termasuk kanak-kanak dibunuh, wanita dirogol dan sekolah musnah.

"Kita mesti menamatkan semua ini. Kekejaman ini memusnahkan nama baik Islam, menjustifikasikan tindakan kejam mereka dengan berselindung di bawah konsep jihad yang disalah guna.

"Kekejaman ini juga memusnahkan kehidupan ramai – kanak-kanak yang tidak inginkan apa-apa tetapi kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa mereka dan menerima pendidikan seperti kanak-kanak lain di tempat lain di dunia, golongan dewasa yang tidak mengharapkan apa-apa tetapi untuk mendapat rezeki untuk diri sendiri dan orang tersayang," kata Najib menerusi catatan terbaru dalam blog beliau, www.najibrazak.com.

Menurutnya beliau percaya jalan kesederhanaan ini tidak pernah menjadi pilihan bagi mana-mana individu, sama ada dalam pertuturan dan tingkah laku, tetapi satu keperluan untuk berjaya dalam hidup dan ramuan yang kritikal untuk Malaysia menjadi negara moden dan progresif.

Najib berkata konsep kesederhanaan tidak wujud semata-mata dalam domain sekular, malah, katanya, ia pun dijelaskan dalam al-Quran.

"Dan demikian (pula) Kami menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu," katanya dengan memetik Surah Al-Baqarah ayat 143.

Beliau menegaskan konsep kesederhanaan bukan eksklusif untuk agama Islam sahaja apabila ia pun dinyatakan sebagai nilai sejagat kepada semua agama utama di dunia.

"Dalam agama Kristian, Bible menyatakan, "let your moderation be known unto all men" (maklumkan kesederhanaan anda kepada semua manusia) dan dalam agama Buddha, penganutnya diajar supaya mengikut laluan pertengahan, menjalani kehidupan secara sederhana dan mengamalkan ciri-ciri bukan keganasan.

"Dalam agama Yahudi pun, Taurat mengajar kesederhanaan dalam semua perkara adalah satu 'cara hidup' dalam erti sebenar adat Yahudi," tambah Najib. – Bernama, 4 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bersatu-dan-tolak-fahaman-ekstremis-kata-najib>